

**Lebih 200 Pelabur Asing Sertai Konvensyen Usahawan Wanita Cina Di PWTC
Jumaat Ini
Bernama
05 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Lebih 200 pelabur dari China, Taiwan, Korea, Singapura dan Vietnam akan menyertai sesi 'Business Matching' pada Konvensyen Usahawan Wanita Cina dan Transformasi Ekonomi Negara di sini Jumaat ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Heng Seai Kie berkata penyertaan pelabur asing itu diharap dapat mewujudkan landasan bagi usahawan wanita Cina tempatan mengintai peluang untuk mengembangkan perniagaan mereka ke negara-negara itu.

Lebih 1,000 usahawan wanita Cina tempatan dijangka hadir pada konvensyen sehari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu yang akan dirasmikan isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mengenai konvensyen itu di sini hari Isnin.

Beliau berkata bidang perniagaan pelabur asing yang akan menghadiri konvensyen itu meliputi pelancongan, pemprosesan makanan, pendidikan, kecantikan dan kesihatan, pakaian dan aksesori serta peralatan elektrik.

Konvensyen yang dianjurkan kementerian itu dengan kerjasama Wanita MCA, Yayasan Usahawan Wanita Cina Malaysia serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bertujuan mendedahkan mengenai peluang dan kemudahan untuk usahawan tempatan.

Heng berkata konvensyen itu diadakan sempena Pameran Import dan Export Malaysia-China selama empat hari bermula Khamis ini di mana 800 tapak pameran telah disediakan, dan ini merupakan antara pameran terbesar di negara ini tahun ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632055>